

Malaysia Terkejut Dengan Keganasan Tanpa Henti Di Syria - Anifah Bernama
1 September, 2012

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Malaysia menggesa semua pihak yang terlibat dalam kemelut di Syria segera menghentikan pertempuran dan mematuhi undang-undang antarabangsa, termasuk berhubung kemanusiaan serta hak asasi manusia.

Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman berkata Kuala Lumpur terkejut dengan keganasan berterusan yang melanda Syria, sehingga menyebabkan orang yang tidak bersalah terkorban selain kerosakan harta benda.

"Tidak syak lagi situasi di Syria adalah serius dan menuntut perhatian segera kita," katanya dalam satu kenyataan yang dihantar pada perbahasan umum Sidang Kemuncak ke-16 Ketua Negara dan Kerajaan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang berlangsung di Tehran, Iran pada 30 dan 31 Ogos.

Beliau berkata dalam mencari penyelesaian politik yang berkekalan, prinsip asas NAM perlu dipatuhi iaitu membenarkan Syria menentukan nasibnya sendiri.

Dalam perkembangan lain, Anifah berkata piawaian antarabangsa berhubung hak asasi manusia perlu mengambil kira kepelbagaian budaya di sesebuah negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691313>